Nombor Kad Pengenalan : .................................. Angka Giliran : ..................................

**900/1** **STPM**

# PENGAJIAN AM

## KERTAS 1

## (DUA JAM)

## SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

Arahan kepada calon:

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Kertas ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, dan bahagian C.*

*Calon dikehendaki menjawab* ***semua*** *soalan dalam bahagian A dan B dan dua soalan dalam bahagian C.*

*Ada* ***lima belas soalan*** *dalam bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh* ***empat*** *pilihan jawapan. Pilih* ***satu*** *jawapan yang betul dan buat* ***bulatan*** *pada jawapan anda pada kertas soalan ini.*

*Calon dikehendaki menjawab soalan dalam bahagian B pada ruang yang disediakan.*

*Gunakan helaian bagi menjawab soalan dalam bahagian C. Mulakan setiap jawapan pada helaian yang baharu dan susun jawapan anda mengikut tertib berangka. Ikat helaian jawapan anda bersama dengan kertas soalan ini.*

| Untuk kegunaan pemeriksa | |
|---|---|
| Bahagian A | |
| **15 soalan** | |
| Bahagian B | |
| 1. | |
| 2. | |
| 3. | |
| 4. | |
| Bahagian C | |
| | |
| | |
| jumlah | |

**Kertas soalan ini terdiri daripada 9 halaman bercetak**

Bahagian A

(*15 markah)*

Jawab semua soalan. Pilih jawapan yang betul

| | Kuasa |
|---|---|
| I | Kuasa kerajaan dibahagikan |
| II | Kuasa pada kerajaan negeri |
| III | Kuasa pada kerajaan pusat |

| | Kuasa |
|---|---|
| T | Kesatuan |
| U | Kerajaan persekutuan |
| V | konfederasi |

1. Padanan kuasa yang manakah yang betul dengan kerajaan T, U dan V?

| | I | II | III |
|---|---|---|---|
| A | V | T | U |
| B | T | V | U |
| C | U | V | T |
| D | T | U | V |

- Meliputi catatan dokumen
- Menjadi rujukan apabila berlaku percanggahan undang-undang antara negeri dengan persekutuan

→ **X**

2. X dalam pernyataan di atas merujuk

A Perlembagaan bertulis

B Perlembagaan tidak bertulis

C Pindaan Perlembagaan Negeri

D Pindaan Perlembagaan Persekutuan

3. Yang manakah **benar** tentang fungsi Parlimen?

I Membahaskan isu semasa negara
II Mengawal perjalanan badan kehakiman
III Meluluskan rang undang-undang negara
IV Menyelaras penguatkuasa undang-undang oleh badan pentadbiran

A I dan II
B I dan III
C I dan IV
D III dan IV

4. Suatu rang undang-undang yang sah boleh dikuatkuasakan selepas

A Diluluskan oleh Kabinet
B Disiarkan dalam Warta Kerajaan
C Diluluskan oleh Majlis Parlimen
D Diperkenankan oleh Yang Di-Pertuan Agong

5. Puan Y berasal dari China dan menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948. Puan Y memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara

A Masukan
B Pendaftaran
C Penggabungan wilayah
D Kuatkuasa undang-undang

6. Yang manakah perkara yang terkandung dalam Perlembagaan negeri

I Fungsi Majlis Raja-raja
II Perbelanjaan Kerajaan Negeri
III Fungsi Dewan Undangan Negeri
IV Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negara

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7. Pilih syarat-syarat untuk memperoleh kewarganegaraan melalui pendaftaran.

I Berkelakuan baik

II Telah bermaustatin di Persekutuan selama 12 tahun
III Pengetahuan yang memadai dalam bahasa Melayu
IV Suami ialah warganegara pada permulaan Oktober 1962

A I dan II
B I dan III
C I dan IV
D III dan IV

8. Yang manakah **tidak** benar tentang syarat penamatan warganegara secara pelucutan?

A Berfikiran waras
B Membuat kenyataan palsu
C Berpaling tadah terhadap Negara
D Tinggal di luar Negara melebihi 5 tahun




9. Padanan X, Y dan Z yang sesuai dengan bidang kuasanya ialah

| | X | Y | Z |
|---|---|---|---|
| A | Persekutuan | Negeri | Bersama |
| B | Bersama | Persekutuan | Negeri |
| C | Negeri | Persekutuan | Bersama |
| D | Negeri | Bersama | Persekutuan |

10. Kekosongan kerusi di Parlimen akan diisytiharkan apabila seseorang ahli parlimen itu hilang kelayakannya, meninggal dunia, atau berhenti daripada menjadi ahli. Berapakah tempoh untuk mengisi kekosongan kerusi di Parlimen bagi negeri Sabah?

A 60 hari
B 90 hari
C 180 hari
D 100 hari

11. Pengundian melalui pos hanya dikhaskan untuk warganegara Malaysia yang

| | |
|---|---|
| I | Berada di luar negara kerana melancong |
| II | Sedang mendapat rawatan perubatan di luar negara |
| III | Sedang melanjutkan pelajaran di luar negara |
| IV | Berkhidmat dengan kedutaan Malaysia di luar negara |

A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D III dan IV

12. Yang manakah tentang keanggotaan serentak dalam dua Majlis Perundangan yang **tidak Dibenarkan?**

A
Ahli Dewan Rakyat Kawasan X
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Y

B
Ahli Dewan Negara
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Y

C
Ahli Dewan Rakyat Kawasan X
Ahli Dewan Negara

D
Ahli Dewan Rakyat Kawasan Y
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Z

13.

- Mahkamah - Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
- Kes - Siti lawan Pendakwa Raya
- Tuduhan - Membunuh tanpa niat
- Keputusan - Bersalah

Merujuk kepada pernyataan di atas, hukuman yang boleh dikenakan oleh mahkamah ialah

A Denda
B Sebat
C Penjara
D Buang Daerah

14.

| Istilah | Takrif |
|---|---|
| P - Writ | I - Bukti yang mencukupi dalam perbicaraan sehingga hakim mengarahkan tertuduh membela diri |
| Q - Injuksi | II - Perintah yang mengarahkan seseorang dalam tahanan Akta ISA dihadapkan ke mahkamah untuk dipertimbangkan sama ada dia patut dibebaskan |
| R – Habeas Corpus | III - Perintah bertulis mahkamah yang mencegah atau membenarkan sesuatu dilakukan |
| S – Prima Facie | IV - Perintah rasmi mahkamah yang meminta defenden menghadirkan diri di mahkamah |

Yang manakah padanan yang betul antara istilah kehakiman dengan tarifnya?

| | **P** | **Q** | **R** | **S** |
|---|---|---|---|---|
| A | I | II | III | IV |
| B | II | III | IV | I |
| C | IV | II | III | I |
| D | IV | III | II | I |

15. Yang manakah antara yang berikut merupakan suruhanjaya tetap?

I Suruhanjaya Khas
II Suruhanjaya Gaji Aziz
III Suruhanjaya Pilihan Raya
IV Suruhanjaya Perkhidmatan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

KOTAK JAWAPAN

| | | |
|---|---|---|
| 1. | 6 | 11 |
| 2 | 7 | 12 |
| 3 | 8 | 13 |
| 4 | 9 | 14 |
| 5 | 10 | 15 |

JUMLAH

/ 15

Bahagian B
( 15 markah )

Jawab semua soalan.

1. Senaraikan tiga ciri negara berdaulat

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

(3m)

2. Nyatakan tiga perkara dalam Perlembagaan Persekutuan yang pindaannya memerlukan sokongan majoriti 2/3 Majlis Parlimen dan persetujuan Majlis Raja-raja.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

(3m )




3. Nyatakan tiga tugas **X** dalam rajah di atas.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

( 3m )




Merujuk kepada rajah di atas, jawab soalan di bawah.

4. (a) Namakan Suruhanjaya perkhidmatan dalam Suruhanjaya tetap.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

( 4m)

(b) Nyatakan dua tujuan penubuhan Suruhanjaya.

______________________________________________

______________________________________________

( 2m)

**Bahagian C**

[50 markah]

*Pilih* **dua** *daripada tajuk di bawah, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

**1**. Perpaduan rakyat teras pembangunan negara. Negara yang rakyatnya berpecah belah sukar mencapai keharmonian sosial. Bincangkan kepentingan perpaduan rakyat dalam abad ke-21 dan langkah-langkah untuk mencapai perpaduan.

**2**. Kejuruteraan genetik kini mampu menghasilkan baka yang lebih baik serta meningkatkan produktiviti dalam bidang pertanian. Jelaskan bagaimana manusia dapat memanfaatkan teknologi ini.

**3**. Kejadian jenayah kejam semakin membimbangkan masyarakat di negara ini. Huraikan punca-punca penularan jenayah kejam ini dan apakah usaha yang boleh dilakukan untuk menghentikannya.